

Dr M marah barang di Pulau Langkawi mahal

LANGKAWI, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi meminta peniaga di pulau ini menurunkan harga barangan yang kini lebih mahal berbanding tanah besar.

Menurut Perdana Menteri, selaras dasar kerajaan memberikan keistimewaan bebas cukai kepada pulau ini, peniaga di sini harus mengambil langkah segera menurunkan harga barangan.

Beliau berkata, kerajaan memberi taraf bebas cukai kepada pulau ini supaya harga barangan lebih murah berbanding kawasan lain yang dikenakan cukai tetapi peniaga masih menaikkan harga.

"Perbuatan mereka mencari keuntungan berlebihan menjejaskan taraf Langkawi kawasan bebas cukai. Saya telah beberapa kali membangkitkan perkara ini malah satu ketika dulu pernah berhasrat untuk menarik balik status bebas cukai.

"Saya masih lagi tidak puas hati kerana ramai peniaga di sini cari keuntungan berlebihan. Keuntungan itu sebenarnya adalah cukai yang sepatutnya dipungut kerajaan.

"Jika ia berterusan, taraf bebas cukai di Langkawi tidak bermakna. Ia juga tidak adil kepada pembeli. Justeru itu peniaga perlu beringat-ingat dan tidak mencari untung yang banyak," katanya ketika merasmikan Kompleks Jetty Point, di Jeti Kuah di sini hari ini.

Hadir sama di majlis perasmian kompleks berharga lebih RM11 juta itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff.

Perdana Menteri bagaimanapun mengalu-alukan langkah Jetty Point Duty Free Sendirian Berhad, pengendali kompleks Jetty Point, mengenakan harga barangan di kompleks itu rendah sekitar 30 peratus daripada harga di tanah besar.

Beliau berharap langkah itu diteruskan dan harga barangan di Jetty Point dapat dijadikan ukuran harga di Langkawi.

Mengenai pembangunan Langkawi, Dr Mahathir berkata usaha menjadikannya sebagai pulau pelancongan berjaya di luar dugaan.

Beliau memberikan contoh kejayaan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima) yang mulanya dirancang sebagai projek kecil tetapi mendapat sambutan hebat daripada pengeluar pesawat antarabangsa.